

Pembangunan dan Pelaksanaan Modul Apa-Wise bagi Meningkatkan Pengetahuan Penulisan Sitasi dalam Teks dan Rujukan Gaya Apa dalam Kalangan Pelajar Kolej Matrikulasi

Aidah Abdul Karim, Ivhorry Eve K Diaz, Faharina Shaari & Puteri Nur Syazana

ABSTRAK

Literatur terkini menunjukkan isu plagiat semakin meningkat dalam kalangan pelajar institusi pendidikan tinggi. Sehubungan dengan itu kajian ini bertujuan untuk membangun dan melaksanakan modul APA-WISE bagi meningkatkan pengetahuan penulisan sitasi dalam teks dan rujukan Gaya APA dalam penulisan akademik pelajar kolej matrikulasi. Kajian ini telah menggunakan model rekabentuk pengajaran dan pembelajaran ASSURE sebagai kerangka kajian dan menggunakan kajian kaedah gabungan sebagai reka bentuk kajian serta melibatkan 17 orang pelajar kolej matrikulasi. Data kajian telah dikutip dengan menggunakan pelbagai instrumen kajian seperti borang soal selidik, temubual, dokumen analisis dan ujian dan telah dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan analisis tematik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa modul APA-WISE telah berjaya membantu pelajar kolej matrikulasi menulis sitasi dalam teks dan rujukan Gaya APA yang betul dalam penulisan akademik mereka. Kajian ini juga menunjukkan bahawa model rekabentuk pengajaran ASSURE dapat memberi panduan secara sistematis kepada para pendidik dalam merekabentuk, membangun, melaksana dan menilai bahan pengajaran kursus mereka. Kajian ini mencadangkan institusi pendidikan tinggi memberi latihan secara berkala berkaitan penggunaan model ASSURE kepada kakitangan akademik mereka untuk menghasil dan melaksanakan bahan pengajaran kursus yang berdasarkan kepada ciri-ciri dan keperluan pelajar; dan fokus kepada pencapaian pelajar terhadap hasil pembelajaran kursus.

Kata kunci: literasi maklumat; penggunaan maklumat; model ASSURE, pembangunan bahan pengajaran; pendidikan tinggi; Malaysia

ABSTRACT

Current literature suggests that plagiarism has become an issue in higher learning. Therefore this study aimed to develop and implement the APA-WISE module to increase the knowledge of writing citations in text and references using APA Style among matriculation students in their academic writing. This study has employed the ASSURE instructional design model as a research conceptual framework, a mixed methods study as its research design, and involved 17 matriculation college students. Data has been collected using multiple research instruments such as questionnaires, interviews, document analysis and test and analyzed using descriptive statistics and thematic qualitative data analysis. Research findings showed the APA-WISE module has improved the writing of citations in text and references using APA Style among matriculation college students. The study also indicated that the ASSURE model provides a systematic guideline to educators in higher education to design, develop, implement, and evaluate their course teaching materials. The study also suggests that there is a need for higher education institutions to provide continuous training on the use of the ASSURE model to their academic staff as a way to assist the development of and implementation of course teaching materials that are based on students' characteristics and need and focus on students' attainment of course learning outcomes.

Keywords: information literacy; information use; ASSURE model; teaching material development; higher learning; Malaysia

PENGENALAN

Literasi maklumat merupakan kemahiran yang penting dalam era ledakan maklumat masa kini bagi melahirkan masyarakat berpengetahuan. Literasi maklumat yang merujuk satu set kemahiran dan kebolehan yang diperlukan untuk melaksanakan tugas berkaitan maklumat yang merangkumi capaian maklumat, tafsiran, analisis, pengurusan, penciptaan, komunikasi, penyimpanan dan perkongsian (The Library and Information Association, 2018). Penerapan kemahiran dan kebolehan tersebut adalah perlu untuk membantu transformasi peranan pelajar daripada penerima maklumat kepada pembina pengetahuan, yang ditunjukkan oleh peralihan pendekatan pembelajaran tinggi ke arah pembelajaran berpusatkan pelajar. Begitu juga, piawaian literasi maklumat untuk pengajian tinggi seperti yang dibangunkan oleh Australian and New Zealand Institute for Information Literacy (Bundy, 2004), Association of College and Research Libraries (2000), dan Society of College National and University Libraries (1999). menyatakan bahawa literasi maklumat ialah satu set kebolehan yang membolehkan pelajar mengenal pasti keperluan atau matlamat khusus untuk melibatkan diri dengan maklumat dan sumbernya; mencari, menilai, menganalisis dan mensintesis maklumat; menggunakan maklumat untuk mencapai matlamat tersebut; dan berkomunikasi dan mengesahkan matlamat dan proses yang membawa kepada pencapaian mereka.

Dalam konteks Malaysia, Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualification Agency, 2024) telah mengenalpasti keperluan pelajar di peringkat pengajian tinggi menguasai kemahiran literasi maklumat setelah kerangka tersebut mengenal pasti kemahiran menyelesaikan masalah maklumat sebagai sebahagian daripada hasil pembelajaran pelajar dalam pengajian tinggi. Selain itu Pelan Transformasi Pendidikan 2015-2025 untuk Pendidikan Tinggi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015) telah memperkuuhkan penguasaan kemahiran literasi maklumat pelajar di peringkat pengajian tinggi apabila pelan pendidikan tersebut menyatakan fokus pendidikan tinggi kepada pembangunan graduan universiti yang mempunyai minda inkuisitif dan inovatif serta mampu mengaplikasi dan menjana pengetahuan untuk menyelesaikan masalah. Yang terkini Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia (Unit Perancang Ekonomi, 2021) telah menggariskan kepentingan kemahiran digital bagi mewujudkan tenaga kerja dan warganegara yang kompeten, di mana kemahiran digital ini adalah aplikasi kemahiran literasi maklumat dalam konteks persekitaran digital.

Kajian lepas telah menunjukkan kemahiran literasi maklumat dalam pendidikan tinggi telah mempengaruhi

pencapaian akademik pelajar (Nisha & Varghese, 2021) dan ini mengukuhkan keperluan dalam mereka bentuk semula kurikulum dan membangunkan strategi pembelajaran yang dapat membantu pelajar menguasai dan mengaplikasi kemahiran ini dalam pembelajaran mereka. Selain itu kemahiran literasi maklumat juga merupakan faktor utama dalam menentukan kompetensi penyelidikan dalam kalangan universiti khususnya pelajar pascasiswazah (Oyedokun et. al, 2019). Namun penggunaan maklumat dalam talian secara tidak beretika telah membuka ruang kepada amalan plagiat dalam kalangan pelajar pendidikan tinggi. Ali et. al (2010) mendapat bahawa para pelajar kejuruteraan peringkat diploma di sebuah universiti awam di Malaysia tidak membuat sitasi dalam penulisan akademik mereka menggunakan maklumat secara beretika di mana mereka tidak peka dengan format menulis petikan dengan betul. Kaur,Singh & Ganapathy (2018) juga mendapat bahawa biasa bagi pelajar kolej untuk menyalin dan menggunakan maklumat daripada internet ke dalam penulisan akademik mereka, yang mungkin membawa kepada tuduhan plagiarisme. Idiegbeyan-Ose et al. (2018) juga plagiat dalam penulisan akademik merupakan salah laku akademik dan boleh menjasaskan penyelidikan, integriti dan domain profesional.

Kajian terdahulu telah dijalankan ke atas beberapa aktiviti dan program berkaitan penulisan bagi membantu pelajar menulis secara beretika bagi mengelakkan pelajar terlibat dalam amalan plagiat. Sebagai contoh Rathore et al. (2018) telah menjalankan kajian di salah satu institusi pendidikan tinggi di Pakistan dengan menyediakan pelajar perubatan dan ahli fakulti dengan bengkel mengenai salah laku akademik, penipuan, dan aspek etika penyelidikan dan penulisan akademik. Antara pengisian bengkel adalah kesalahan dalam penulisan beretika, jenis plagiat dan penerbitan tidak beretika, dan strategi untuk mengatasi plagiat. Dapatkan kajian telah menunjukkan peserta yang menghadiri bengkel tersebut lebih terdedah kepada kaedah penulisan akademik yang beretika. Sehubungan dengan itu semua pelajar di institusi tersebut diberikan modul yang digunakan dalam bengkel sebagai rujukan. Selain itu pensyarah yang mengajar penulisan akademik diminta untuk menggunakan modul tersebut dalam pengajaran mereka. Dapatkan yang sama telah diperolehi melalui dapatkan kajian tentang penggunaan modul plagiat dalam kalangan pelajar politeknik di Malaysia (Mohamad & Karim, 2021). Dapatkan kajian telah menunjukkan bahawa pembangunan dan pelaksanaan bahan pengajaran dalam bentuk modul penggunaan maklumat secara beretika telah berusaha membantu pelajar menyediakan penulisan akademik mereka secara beretika khususnya berkaitan dengan gaya penulisan sitasi dalam teks dan rujukan yang tepat dalam penulisan akademik.

Dalam konteks penghasilan bahan pengajaran

model reka bentuk pengajaran ASSURE oleh Heinich, Molenda, Russell dan Smaldino (1999) merupakan salah satu model yang sering digunakan dalam bidang pendidikan. Model ASSURE telah menyediakan satu kerangka yang sistematik dan komprehensif bagi membangunkan bahan pengajaran secara berstruktur yang menekankan ciri-ciri pelajar dalam proses reka bentuk pengajaran dan menggalakkan penglibatan pelajar dalam pembelajaran mereka (Gonzalez & Quiroz, 2020). Fasa-fasa dalam model ASSURE (Heinich et. all, 1999) terdiri daripada menganalisis pelajar; menyatakan objektif pembelajaran bahan pengajaran; memilih kaedah, media dan bahan pengajaran; menggunakan teknologi, media dan bahan pengajaran; melibatkan pelajar secara aktif dalam pembelajaran bahan pengajaran, dan menilai dan menyemak semula bahan pengajaran dan proses pelaksanaan bahan pengajaran tersebut. Fasa-fasa yang sistematis ini boleh membantu pendidik memastikan kandungan, bahan dan strategi pengajaran adalah selari dengan ciri pelajar dan hasil pembelajaran yang perlu dicapai oleh pelajar dan seterusnya melaksana, dan menilai dan menyemak semula bahan pengajaran dan proses rekabentuk, pembangunan dan pelaksanaan bahan pengajaran tersebut agar lebih berorientasikan kepada pencapaian pelajar terhadap objektif pembelajaran yang perlu dikuasai oleh pelajar.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk kajian ini bertujuan untuk membangun dan melaksanakan modul APA-WISE bagi meningkatkan pengetahuan pelajar kolej matrikulasi dalam menulis sitasi dalam teks dan rujukan Gaya APA Edisi ke-7 (American Psychological Association, 2020). Kajian ini telah menggunakan model rekabentuk pengajaran dan pembelajaran ASSURE sebagai kerangka kajian dan menggunakan kajian kaedah gabungan sebagai reka bentuk kajian. Dapatkan kajian akan dapat membantu menghasilkan bahan pengajaran yang boleh digunakan sebagai salah satu sumber pembelajaran di kolej matrikulasi bagi kursus-kursus yang mempunyai komponen penulisan akademik.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kaedah gabungan yang merupakan kajian yang menggunakan pelbagai kaedah kutipan data kuantitatif dan kualitatif bagi memperolehi pemahaman yang lebih lengkap tentang masalah kajian daripada data kuantitatif atau kualitatif sahaja (Creswell & Creswell, 2018). Rekabentuk kajian kaedah gabungan telah dipilih sebagai rekabentuk kajian kerana kajian ini melibatkan pelbagai kaedah kutipan data

kuantitatif dan kualitatif di sepanjang proses reka bentuk dan pembangunan modul APA-WISE yang merangkumi fasa-fasa menganalisis pelajar; menyatakan objektif pembelajaran bahan pengajaran; memilih kaedah, media dan bahan pengajaran; menggunakan teknologi, media dan bahan pengajaran; melibatkan pelajar secara aktif dalam pembelajaran bahan pengajaran, dan menilai dan menyemak semula modul dan pelaksanaan APA-WISE.

Kajian ini telah dijalankan di salah satu kolej matrikulasi di Selangor dan telah melibatkan 18 orang pelajar matrikulasi yang telah dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Peserta kajian adalah pelajar tahun pertama Sistem Empat Semester (SES) dalam jurusan Sains Hayat bagi sesi akademik 2023/2024 dan telah dipilih kerana mereka mempunyai pengetahuan yang rendah dalam penulisan sitasi dalam teks dan rujukan menggunakan gaya APA. Modul APA-WISE telah dilaksanakan secara bersemuka di dalam kelas dan mengambil masa 2 jam. Fokus dalam modul pembelajaran ini adalah penulisan sitasi dalam teks dan rujukan Gaya APA.

Alat kajian yang digunakan dalam fasa menganalisis pelajar adalah terdiri daripada borang soal-selidik dalam talian yang membolehkan kajian mendapatkan maklumat profil, gaya pembelajaran dan pengetahuan 17 orang peserta kajian berkaitan penulisan sitasi dalam teks dan rujukan Gaya APA. Selain itu temubual terhadap 5 orang peserta kajian dan analisis ke atas tugas penulisan akademik mereka telah dijalankan bagi mendapatkan maklumat yang lebih mendalam terhadap pengetahuan penulisan sitasi dalam teks dan rujukan Gaya APA dan isu semasa yang dihadapi oleh pelajar kolej matrikulasi berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran penulisan sitasi dalam teks dan rujukan Gaya APA dalam konteks tugas penulisan akademik.

Selain itu pada fasa menilai dan menyemak semula modul dan pelaksanaan APA-WISE, kajian telah menggunakan ujian dalam talian yang membolehkan pengukuran dibuat ke atas pencapaian pelajar terhadap objektif pembelajaran APA-WISE. Ujian ini mengandungi 16 item berbentuk aneka pilihan yang perlu dijawab secara dalam talian melalui Google Form. Ujian ini mengandungi 16 soalan di mana bahagian A terdiri daripada 6 soalan berkaitan penulisan sitasi dalam teks Gaya APA manakala bahagian B terdiri daripada 10 soalan berkaitan penulisan rujukan Gaya APA. Kajian juga telah menggunakan borang selidik kepuasan peserta kajian terhadap modul APA-WISE dan pelaksanaannya dalam fasa menilai dan menyemak semula modul dan pelaksanaan APA-WISE. Borang soal-selidik ini mengandungi 16 item skala Likert 5 mata bagi maklum balas pelajar secara keseluruhan dan telah dibahagikan kepada empat bahagian iaitu kepuasan peserta kajian terhadap penceramah, modul APA-WISE,

pelaksanaan modul APA-WISE, dan keberkesanannya dalam pelaksanaan modul dan pelaksanaan APA-WISE. Skor min dalam Jadual 2 telah digunakan untuk menginterpretasikan tahap kepuasan peserta kajian terhadap empat bahagian ini.

Kajian telah menggunakan platform Google Form untuk peserta kajian menjawap borang soal-selidik dan ujian yang telah disediakan kerana Google Form merupakan satu media yang mesra pengguna dan mudah

diakses oleh peserta kajian dengan menggunakan pelbagai jenis peranti. Selain itu, Google Form menjimatkan masa pengkaji untuk menganalisis data kerana ia menyediakan skor response secara automatik. Data kuantitatif dalam kajian telah dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif seperti kekerapan, peratusan dan skor purata manakala data kualitatif pula telah dianalisis dengan menggunakan analisis tematik.

Jadual 2. Skala data dan jadual aras yang digunakan dalam soal selidik

Skala Data	0.00-1.00	1.01-2.00	2.01-3.00	3.01-4.00	4.01-5.00
Jadual Aras	Sangat tidak puashati	Tidak puas hati	Sedikit puas hati	Puas hati	Sangat puas hati

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk membangun dan melaksanakan modul APA-WISE bagi meningkatkan kemahiran menggunakan maklumat secara beretika dalam kalangan pelajar kolej matrikulasi dengan menggunakan model rekabentuk pengajaran ASSURE sebagai kerangka kajian. Oleh itu dapatan kajian telah disusun mengikut fasa-fasa yang terkandung dalam model ASSURE iaitu menganalisis pelajar; menyatakan objektif pembelajaran bahan pengajaran; memilih kaedah, media dan bahan pengajaran; menggunakan teknologi, media dan bahan pengajaran; melibatkan pelajar secara aktif dalam pembelajaran, dan

menilai dan menyemak semula modul dan pelaksanaan APA-WISE.

FASA 1: MENGANALISIS PELAJAR

Data dari borang soal-selidik menunjukkan bahawa semua peserta kajian berbangsa Melayu, berumur 18 tahun dan adalah pelajar dalam jurusan Sains Hayat. Jadual 1 menunjukkan majoriti pelajar adalah perempuan, tinggal di bandar dan datang dari sekolah menengah harian. Selain itu data daripada borang soal-selidik juga menunjukkan majoriti gaya pembelajaran pelajar adalah visual (45.5%), diikuti oleh audio (16%), baca/tulis (11.8%) dan kinestetik (26.7%).

Jadual 1. Profil peserta kajian

Item	Nilai	Frekuensi	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	3	17.6
	Perempuan	14	82.4
Tempat tinggal	Bandar	10	58.8
	Luar bandar	7	41.2
Sekolah menengah	Sekolah harian	12	70.6
	Sekolah berasrama penuh	3	17.6
	MRSM	2	11.8

Data dari borang soal-selidik berkaitan pengetahuan peserta kajian dalam penulisan rujukan Gaya APA menunjukkan bahawa majoriti pelajar (76.5%) tidak pernah mendengar tentang format penulisan Gaya APA, manakala seramai 76.5% peserta kajian tidak pernah menerima sebarang pengajaran berkaitan cara penulisan rujukan dan sitasi dalam teks menggunakan Gaya APA semasa membuat tugas di peringkat sekolah. Selain itu 94.1% peserta kajian juga tidak mengetahui komponen asas dalam penulisan rujukan mengikut format penulisan gaya APA

yang betul. Analisa ke atas dua item yang menguji pengetahuan pelajar berkaitan penulisan rujukan Gaya APA dalam borang soal-selidik kepada pelajar kolej matrikulasi juga menunjukkan dapatan yang sama di mana semua pelajar yang terlibat memperolehi jawapan yang salah bagi dua item yang ditunjukkan dalam Rajah 1 dan Rajah 2. Walau bagaimanapun, dapatan dari borang soal-selidik menunjukkan 94.1% peserta kajian menyedari akan kepentingan merujuk sumber dengan betul dalam mengelakkan daripada berlakunya plagiat. Secara

keseluruhannya, data daripada soal selidik menunjukkan bahawa peserta kajian mengetahui tentang plagiarisme namun belum menerima pendedahan yang cukup bagi

menggunakan maklumat secara beretika dalam penulisan akademik terutamanya dalam penulisan sitasi dalam teks dan rujukan menggunakan Gaya APA.

4. Anda sedang melayari internet dan mendapati tajuk Strawberry DNA extraction activity dalam laman web The University of Queensland Australia (<https://imb.uq.edu.au/strawberry-dna-extraction-activity>) menepati keperluan maklumat anda. Tiada tarikh bagi pengemaskinian laman web tersebut. Sila petik sumber maklumat berdasarkan maklumat yang dinyatakan di atas menggunakan gaya APA.

18 responses

Strawberry DNA extraction activity. Institute for Molecular Bioscience - University of Queensland. (2020, August 10). <https://imb.uq.edu.au/strawberry-dna-extraction-activity>

The University of Queensland Australia, Strawberry DNA Extraction Activity, <https://imb.uq.edu.au/strawberry-dna-extraction-activity>

Double molecule that have double helix is DNA

The University of Queensland.(n.d). Strawberry DNA extraction activity. From <https://imb.uq.edu.au/strawberry-dna-extraction-activity>

(n.d.). Strawberry DNA extraction activity. The University of Queensland.<https://imb.uq.edu.au/strawberry-dna-extraction-activity>

Rajah 1: Item yang digunakan bagi menguji pengetahuan pelajar berkaitan penulisan rujukan Gaya APA bagi sumber maklumat dalam talian

5. Berdasarkan gambar buku yang diberikan, tulis rujukan yang betul dengan menggunakan gaya APA.

18 responses

A.M.Kenneth,B.L.Jonathan,R.S.Susan,(2021).Biology.

A.M. KENNETH.,B.Losos., Jonathan.,R.S.Susan., Mc graw hills. Biology (11 ed)

Mason K.A., Losos J.B., Singer S.R.,().Biology(11th ed). MC GRAW HILL

Mason.K.A,Losos.J.B,Singer.S.R.(2017).Biology(11th ed).Mc Graw Hill Education


Mason,K.A.,Losos,J.B.,&Singer,S.R.2017.Biology(11th ed).Mc Graw Hill Education.

Rajah 2: Item yang digunakan bagi menguji pengetahuan pelajar berkaitan penulisan rujukan Gaya UKM bagi sumber maklumat bahan bercetak

Temubual bersama peserta kajian juga menunjukkan bahawa pelajar kolej matrikulasi telah diberi pendedahan serba sedikit berkaitan penggunaan maklumat secara beretika terutamanya berkaitan dengan penulisan sitasi dalam teks dan rujukan Gaya *American Psychological Association* (APA) kerana pelajar perlu mempraktikkannya dalam penulisan tugas penulisan akademik mereka. Namun pendedahan terhadap gaya APA tersebut tidak diajar secara formal di dalam kelas dan sebaliknya dibuat secara tidak formal di luar waktu kelas atau semasa pensyarah memberi maklum balas terhadap hasil kerja pelajar. Pelajar juga menyatakan pengetahuan berkaitan penggunaan Gaya APA ini merupakan pengetahuan baru bagi mereka di mana majoriti pelajar tidak pernah

mendengar atau mempelajarinya semasa di peringkat sekolah.

Analisis terhadap tugas penulisan akademik peserta kajian juga menunjukkan mereka tidak menggunakan maklumat dalam penulisan akademik secara beretika. Secara khususnya peserta kajian tidak memberi sebarang penghargaan kepada pengarang atau pemilik asal maklumat yang telah mereka gunakan dalam penulisan akademik mereka dalam bentuk sitasi dalam teks. Peserta kajian juga tidak menyediakan senarai rujukan dengan menggunakan Gaya APA yang betul. Antara contoh tugas penulisan pelajar yang tidak menggunakan penulisan rujukan Gaya APA yang betul bagi penulisan akademik mereka ditunjukkan dalam Rajah 3 dan Rajah 4.



Rajah 3: Contoh penulisan rujukan Gaya APA yang salah bagi sumber maklumat bahan bercetak



Rajah 4: Contoh penulisan rujukan Gaya APA yang salah bagi sumber maklumat dalam talian

FASA 2: MENYATAKAN OBJEKTIF PEMBELAJARAN MODUL APA-WISE

Berdasarkan dapatan berkaitan pengetahuan peserta kajian dalam penulisan sitasi dalam teks dan rujukan Gaya APA yang telah diperolehi dalam fasa menganalisis pelajar, dua objektif pembelajaran bagi modul APA-WISE telah dibina. Objektif pembelajaran tersebut telah memenuhi ciri-ciri *audience, behaviour, condition and degree* (ABCD) yang ditekan dalam model ASSURE adalah seperti di bawah:

1. Selepas mengikuti program menggunakan modul APA-WISE (*condition*), pelajar matrikulasi (*audience*) dapat mengenalpasti cara menulis petikan menggunakan format penulisan gaya APA dengan betul dalam aktiviti yang diberikan (*behavior*) di mana pelajar perlu memperoleh skor sekurang-kurangnya 50% bagi bahagian ini (*degree*).
2. Selepas mengikuti program menggunakan modul APA-WISE (*condition*), pelajar matrikulasi (*audience*) dapat mengenal pasti cara menulis rujukan menggunakan format penulisan gaya APA dengan betul dalam aktiviti yang diberikan (*behavior*) di mana pelajar perlu memperoleh skor sekurang-kurangnya 50% bagi bahagian ini (*degree*).

Kajian ini telah menetapkan peserta kajian perlu mencapai sekurang-kurangnya 50 peratus markah dalam ujian pengetahuan penulisan sitasi dalam teks dan rujukan Gaya APA bagi membolehkan mereka berjaya mencapai hasil pembelajaran modul APA-WISE. Memandangkan tahap pengetahuan awal peserta kajian dalam penulisan sitasi dalam teks dan rujukan Gaya APA sebelum pelaksanaan modul APA-WISE adalah sangat rendah, keputusan ini dibuat bagi memastikan pelajar diuji secara adil dan bersesuaian serta mengekalkan motivasi serta keyakinan mereka untuk terus terlibat dalam kajian ini.

FASA 3: MEMILIH KAEADAH, MEDIA DAN BAHAN PENGAJARAN MODUL APA-WISE

Kaedah, media dan bahan pengajaran APA-WISE telah dirangka agar selari dengan pengetahuan awal pelajar dalam penulisan sitasi dalam teks dan rujukan Gaya APA, hasil pembelajaran modul APA-WISE dan gaya pembelajaran peserta kajian yang telah dikenal pasti dalam fasa menganalisis pelajar. Memandangkan majoriti peserta kajian tidak mempunyai pengetahuan tentang penulisan sitasi dalam teks dan rujukan mengikut Gaya UKM, modul APA-WISE telah menyediakan pengetahuan asas tentang kepentingan menggunakan dan menyebarkan maklumat

secara beretika terlebih dahulu sebelum memfokuskan kepada penulisan sitasi dalam teks dan rujukan Gaya APA.

Selain itu majoriti peserta kajian mempunyai gaya pembelajaran visual (45.5%), diikuti oleh audio (16%), baca/tulis (11.8%) dan kinestetik (26.7%). Justeru kajian telah memasukkan pelbagai elemen visual seperti grafik, ilustrasi, ikon dan gambar dalam modul APA-WISE bagi menarik perhatian peserta kajian. Pembelajaran berbantuan video telah digunakan dalam modul APA-WISE digunakan bagi memperkenalkan kepentingan menggunakan maklumat secara beretika dan penulisan sitasi dalam teks dan rujukan Gaya APA. Pendekatan ini dipilih bagi memenuhi keperluan pelajar visual seperti dapatan analisis pelajar di mana video dapat mengintegrasikan imej dan grafik untuk menjadikan konsep yang kompleks lebih mudah difahami.

Media dan bahan yang dipilih untuk digunakan dalam modul APA-WISE adalah merangkumi aplikasi Canva, Google Form, laman web Veed.io, Microsoft Word dan laman web YouTube. Pengkaji memilih untuk membangunkan video pembelajaran menggunakan Canva dan soalan penilaian menggunakan Google Form. Platform Canva dipilih kerana ianya mudah untuk digunakan, mesra pengguna dan menawarkan pelbagai templat dan elemen. Di samping itu, penggunaan Canva memudahkan penghasilan animasi dan penukarannya kepada format video MP4. Selain daripada itu, ciri kolaborasi yang ditawarkan oleh Canva menjadikan ia pilihan yang ideal kerana beberapa pengguna boleh berkolaborasi dalam projek yang dibangunkan. Suara latar bagi mengiringi teks dan visual di dalam video pula dihasilkan melalui laman web Veed.io. Penggunaan suara latar bagi penerangan adalah untuk menyokong pembelajaran pelajar auditori. Video pembelajaran tersebut kemudian dimuat naik ke laman web YouTube untuk diakses dengan mudah oleh pelajar. Nota bertulis yang dihasilkan menggunakan Microsoft Word disimpan dalam format pdf untuk diberikan kepada pelajar sebagai rujukan tambahan. Nota bertulis ini adalah bagi memenuhi keperluan sebilangan pelajar dengan gaya pembelajaran baca/tulis. Lampiran kerja bagi tujuan pengukuhan turut dipilih untuk dihasilkan menggunakan aplikasi Microsoft Word di mana ia kemudiannya dicetak untuk memudahkan perbincangan pelajar dalam aktiviti berkumpulan.


FASA 4: MENGGUNAKAN TEKNOLOGI, MEDIA DAN BAHAN PENGAJARAN APA-WISE

Pelaksanaan modul APA-WISE ini adalah secara bersemuka di luar waktu pembelajaran rasmi. Bahan dan media yang disediakan sebelum pelaksanaan program merangkumi papan putih dan pen *marker*, video Modul

APA-WISE, nota rujukan tambahan dalam bentuk salinan lembut serta lampiran kerja bercetak. Pelaksanaan modul APA-WISE telah dirancang untuk dijalankan di bilik tutorial yang mempunyai meja tulis bagi setiap pelajar yang boleh disesuaikan untuk aktiviti berkumpulan serta papan putih bagi sesi penerangan oleh penceramah dan perbincangan yang melibatkan keseluruhan kelas. Pemilihan bilik tutorial adalah kerana program ini tidak melibatkan ramai pelajar dan tidak memerlukan fasiliti teknologi tambahan seperti projektor dan skrin. Pelajar akan dibahagikan kepada kumpulan kecil yang terdiri daripada empat hingga lima orang dan akan diberikan pautan video, nota rujukan serta lampiran kerja bagi aktiviti pengukuhan selepas mengikuti pembelajaran berbantuan video.

Modul APA-WISE mengandungi video pembelajaran yang dirangka daripada platform Canva. Video yang dihasilkan mempunyai maklumat tentang kaedah penulisan rujukan dan petikan daripada sumber - sumber seperti buku, laman web dan artikel jurnal mengikut format APA. Media utama dalam modul APA-WISE ini berteraskan penggunaan bahan bantu visual dalam slaid Canva bagi memenuhi keperluan pelajar dengan gaya pembelajaran visual. Rajah 5 menunjukkan penggunaan animasi dan *bullet* dalam APA-WISE agar pelajar dapat melihat dengan jelas konsep-konsep penting yang perlu diberi perhatian, manakala Rajah 6 menunjukkan penggunaan visual seperti grafik dan gambar serta pemilihan warna yang kontra dan bersesuaian dalam APA-WISE bagi menyampaikan maklumat yang kompleks ke dalam bentuk yang menarik secara visual bagi membantu pelajar memahami dengan lebih mudah dan mencetuskan minat pelajar terhadap modul APA-WISE.


Selain daripada itu, Rajah 7 menunjukkan penggunaan animasi tulisan dan anak panah dalam modul APA-WISE bagi mendemonstrasikan langkah demi langkah menulis rujukan Gaya APA bagi membolehkan pelajar visual dapat mengikuti arahan dengan lebih efektif. Video yang dibangunkan turut memuatkan gambar contoh sumber rujukan agar pelajar dapat belajar mengenal pasti setiap komponen yang diperlukan dalam penulisan entri rujukan Gaya APA. Bahan pengajaran juga turut disertakan dengan suara latar yang dihasilkan menggunakan laman web Veed.io. Penggunaan teknik penceritaan ini adalah untuk menjadikan kandungan pengajaran lebih mudah untuk difahami dan diingati oleh pelajar. Teks bertulis pula digunakan agar pelajar dapat mengukuhkan lagi kefahaman melalui pembacaan. Rajah 8 menunjukkan durasi video yang dibangunkan adalah kurang daripada 6 minit untuk mengelakkan beban kognitif yang berlebihan.



Rajah 5: Elemen grafik yang pelbagai digunakan dalam APA-WISE



Rajah 6: Pemilihan warna yang kontra dan bersesuaian digunakan dalam video



Rajah 7: Penggunaan animasi dalam modul APA-WISE bagi membantu pelajar visual



Rajah 8: Durasi video yang pendek dalam modul APA-WISE bagi mengelakkan beban kognitif yang berlebihan

FASA 5: MELIBATKAN PELAJAR SECARA AKTIF DALAM PEMBELAJARAN

Kaedah pembelajaran yang digunakan semasa pelaksanaan modul APA-WISE adalah kaedah koperatif yang bertujuan untuk mengukuhkan pemahaman selepas pelajar menonton video. Pendekatan pembelajaran ini dipilih bagi memenuhi keperluan pelajar kinestetik selain menggalakkan pelajar berkomunikasi dan saling berkongsi pendapat dalam kumpulan kecil bagi menyelesaikan tugas yang diberikan. Sesi pembelajaran ini merangkumi beberapa aktiviti dan dijalankan kepada para pelajar secara bersemuka di dalam kelas berdasarkan rancangan pengajaran yang telah dirancang. Semasa sesi induksi pembelajaran, pelajar telah diberi penerangan tentang pengenalan kepentingan menggunakan dan menyebarkan maklumat secara beretika melalui pemberian kredit kepada sumber asal yang dirujuk diberikan kepada para pelajar.

Seterusnya, pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil dan diberikan pautan video YouTube penulisan gaya APA yang telah dibangunkan untuk modul

APA-WISE untuk ditonton oleh pelajar sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 9. Setelah itu pelajar diberikan peluang untuk meneroka nota dan rujukan tambahan bagi contoh-contoh dan panduan penulisan sitasi dalam teks dan rujukan Gaya APA yang lebih lengkap dan disediakan dalam modul APA-WISE. Rajah 10 menunjukkan sesi perbincangan pelajar dan aktiviti pengukuhan pembelajaran secara kolaboratif oleh pelajar dalam mengaplikasikan pengetahuan yang mereka perolehi untuk menulis sitasi dalam teks dan rujukan Gaya APA bagi pelbagai jenis sumber maklumat seperti buku, laman web. Melalui pembelajaran kolaboratif ini Pelajar saling berinteraksi dalam kumpulan bagi mengesahkan kefahaman mereka dan cuba menjawab dengan betul latihan yang diberikan dalam aktiviti tersebut. Pensyarah pula bertindak sebagai fasilitator sepanjang aktiviti berlangsung di mana pensyarah akan membimbang pelajar sekiranya mereka mempunyai sebarang kekeliruan atau persoalan. Sesi pembelajaran diakhiri dengan kesimpulan oleh pensyarah dan kuiz bagi menilai pencapaian objektif pembelajaran APA-WISE oleh pelajar.



Rajah 9: Pelajar menonton video gaya rujukan APA



Rajah 10 : Pelajar mempraktikkan penulisan rujukan Gaya APA secara berkumpulan

FASA 6: MENILAI DAN MENYEMAK SEMULA MODUL APA-WISE DAN PELAKSANAANNYA

Data daripada ujian pencapaian pelajar terhadap objektif pembelajaran modul APA-WISE telah ditunjukkan dalam Jadual 2. Ujian ini mengandungi 16 soalan di mana bahagian A terdiri daripada 6 soalan berkaitan penulisan sitasi dalam teks Gaya APA manakala bahagian B terdiri daripada 10 soalan berkaitan penulisan rujukan Gaya APA. Jadual 2 menunjukkan markah yang diperolehi oleh peserta

kajian dalam ujian pencapaian terhadap objektif pembelajaran modul APA-WISE. Berdasarkan Jadual 2, 13 (82.4%) peserta kajian berjaya memperoleh skor sekurang-kurangnya 50% dalam penulisan sitasi dalam teks Gaya APA, dan terdapat tiga (17.6%) peserta kajian tidak berjaya mencapai skor 50% atau gagal mencapai hasil pembelajaran modul APA-WISE yang telah ditetapkan. Walaubagaimana pun semua (100%) peserta kajian berjaya memperoleh skor sekurang-kurangnya 50% dalam penulisan rujukan Gaya APA.

Jadual 2: Markah ujian penilaian di akhir pembelajaran

Pelajar	Markah (%)	
	Bahagian A	Bahagian B
1	66.6	90.0
2	33.3	100.0
3	83.3	80.0
4	50.0	100.0
5	50.0	100.0
6	66.6	90.0
7	66.6	100.0
8	66.6	80.0
9	83.3	90.0
10	83.3	90.0
11	66.6	100.0
12	50.0	70.0
13	33.3	90.0
14	16.6	90.0
15	50.0	90.0
16	50.0	90.0
17	50.0	70.0

Selain itu data daripada borang soal-selidik kepuasan peserta kajian terhadap modul APA-WISE dan pelaksanaannya telah ditunjukkan dalam Jadual 3. Analisis data menunjukkan bahawa peserta kajian sangat berpuas hati terhadap penilaian penceramah dengan skor purata 4.78. Antara respon pelajar terhadap penceramah adalah “Penerangan yang diberikan jelas dan mudah difahami”. Analisis data juga menunjukkan peserta kajian juga sangat berpuas hati dengan modul APA-WISE dengan skor purata bernilai 4.82. Antara komen yang telah diberikan oleh pelajar adalah “Tambahkan muzik latar yang menarik” dan “Perlu cuba siarkan kepada orang ramai”.

Selain itu peserta kajian juga sangat berpuas hati ke atas pelaksanaan modul APA-WISE dengan skor purata 4.90. Walaubagaimanapun, terdapat pelajar yang memberikan maklum balas “Masa program perlu ditambah” menunjukkan bahawa tempoh program boleh dipanjangkan lagi di masa hadapan agar pelajar dapat memperoleh maklumat secara lebih berkesan. Akhir sekali peserta kajian juga sangat berpuas hati terhadap keberkesanan terhadap module APA-WISE dan pelaksanaannya dengan nilai skor purata adalah 4.94. Antara respon pelajar terhadap bahagian ini adalah “Dapat mengaplikasikan maklumat dengan baik” dan “Keep up with the great work”.

Jadual 3: Pandangan peserta kajian terhadap modul APA-WISE dan pelaksanaannya

Bahagian	Item	Perkara	Min
A: Penilaian penceramah	1	Pengisian yang jelas	4.71
	2	Penyampaian mudah difahami	4.71
	3	Penyampaian yang baik dan berkesan	4.76
	4	Memberi respon yang baik terhadap soalan peserta	4.82
	5	Penggunaan alat bantu mengajar dengan berkesan	4.94
		Purata min	4.78

bersambung ...

... sambungan

B: Penilaian modul APA-WISE	1	Video ini menggunakan reka bentuk yang baik	4.76
	2	Video ini mempunyai audio yang jelas	4.94
	3	Video ini menggunakan grafik yang sesuai dan menarik	4.76
	4	Tempoh persembahan video APA-WISE adalah memuaskan	4.82
C: Penilaian pelaksanaan program		Purata min	4.82
	1	Tempat program sesuai	4.82
	2	Perancangan dan pelaksanaan program telah dibuat dengan lancar	5.00
D: Penilaian keberkesaan program dan modul APA-WISE	3	Masa yang diperuntukkan bagi program sesuai	4.88
		Purata min	4.90
	1	Memperolehi banyak maklumat berguna sepanjang mengikuti program ini	4.94
	2	Peningkatan pengetahuan/ pemahaman berbanding sebelum ini	5.00
	3	Lebih berkeyakinan mengaplikasi apa yang dipelajari dalam modul APA-WISE ini	4.94
	4	Modul APA-WISE ini berjaya dan bermanfaat	4.88
		Purata min	4.94

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Kajian ini telah dijalankan untuk merekabentuk, membangun, melaksana dan menilai modul APA-WISE bagi meningkatkan pengetahuan menulis sitasi dalam teks dan rujukan Gaya APA dalam kalangan pelajar kolej matrikulasi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa modul APA-WISE yang direkabentuk, dihasil, dilaksana dan dinilai dengan menggunakan model ASSURE adalah berjaya membantu pelajar kolej matrikulasi meningkatkan pengetahuan mereka terhadap penulisan sitasi dalam teks dan rujukan Gaya APA dengan betul dalam penulisan akademik mereka. Selain itu dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pelajar kolej matrikulasi sangat berpuas hati ke atas pensyarah yang melaksanakan modul APA-WISE, modul APA, pelaksanaan APA dan keberkesaan modul dan pelaksanaan APA-WISE dalam membantu mereka meningkatkan pengetahuan dalam penulisan sitasi dalam teks dan rujukan Gaya APA.

Dapatan kajian juga seterusnya menunjukkan pendekatan pembelajaran kolaboratif dan pengintegrasian teknologi melalui penggunaan video dan animasi dalam modul APA-WISE telah menyokong pembelajaran pelajar khususnya yang memiliki gaya pembelajaran visual dan kinestetik selain menjadikan pembelajaran sitasi dalam teks dan rujukan Gaya APA satu adalah pengalaman yang menyeronokkan kepada pelajar. Selain itu penggunaan video dalam modul APA-WISE dilihat sebagai bersesuaian dengan ciri-ciri pelajar masa kini yang mahir dengan penggunaan teknologi dan sering mendapatkan maklumat

melalui video atas talian (Talmon, 2019). Video pembelajaran yang pendek yang dibekalkan dalam modul APA-WISE juga membantu pelajar lebih fokus disebabkan kebanyakan pelajar generasi Z cenderung untuk mempunyai jangka masa perhatian yang singkat (Mosca et al., 2019; Dewi et al., 2021; Demir & Sonmez, 2021). Video pendidikan yang berdurasi pendek ini telah dikenalpasti sebagai lebih efektif dalam aspek penglibatan dan kepuasan pelajar berbanding video yang berdurasi panjang (Yu & Gao, 2022). Kenyataan ini adalah selari dengan ciri pelajar generasi Z cenderung mempunyai jangka masa perhatian yang singkat maka video pendidikan yang pendek adalah lebih berkesan bagi mengekalkan fokus di samping sesuai untuk ditonton menggunakan telefon pintar.

Dapatan kajian menunjukkan fasa-fasa dalam model rekabentuk pengajaran ASSURE yang terdiri daripada menganalisis pelajar; menyatakan objektif pembelajaran bahan pengajaran; memilih kaedah, media dan bahan pengajaran; menggunakan teknologi, media dan bahan pengajaran; melibatkan pelajar secara aktif dalam pembelajaran, dan menilai dan menyemak semula bahan pengajaran dan proses pelaksanaannya membantu pembangunan dan pelaksanaan modul yang memenuhi ciri dan keperluan pelajar dan memfokus kepada pencapaian pelajar terhadap hasil pembelajaran bahan pengajaran. Kajian ini telah menunjukkan bahawa fasa-fasa dalam model ASSURE telah berjaya membantu pendidik untuk menyesuaikan objektif pembelajaran, kaedah, kandungan dan bahan pengajaran dengan ciri-ciri pelajar mengikut latar belakang, gaya pembelajaran dan pengetahuan awal mereka. Perkara ini mungkin menjadi punca mengapa

model ASSURE masih kerap digunakan sehingga hari ini dalam merekabentuk, menghasil, melaksana dan menilai bahan pengajaran dalam pelbagai subjek contohnya sukan dan pendidikan jasmani (Sugiri et al., 2020), bahasa Inggeris (Arriyani & Pratama, 2021) dan matematik (Al-Haydary et al., 2021).

Selain daripada itu, pembentukan objektif pembelajaran yang jelas menggunakan elemen *audience, behaviour, condition* dan *degree* (ABCD) yang ditekan dalam model ASSURE ABCD yang ditekan dalam model ASSURE telah dapat membantu pendidik dan juga pelajar bagi memahami jangkaan pencapaian pelajar terhadap hasil pembelajaran modul. Perkara ini dapat meningkatkan motivasi pelajar agar dapat lebih bertanggungjawab dalam proses pembelajaran. Model ASSURE juga memberi penekanan kepada penglibatan pelajar dalam proses pembelajaran. Hal ini menggalakkan pelajar untuk terlibat secara aktif dalam perbincangan dan aktiviti berkumpulan di mana ianya dapat memupuk kemahiran berfikir secara kritikal, kemahiran menyelesaikan masalah dan kolaboratif. Kelebihan model ASSURE juga dapat dilihat melalui elemen penilaian dan maklum balas yang perlu dilakukan. Penilaian ke atas modul pembelajaran yang dibangunkan membolehkan pendidik memantau perkembangan pelajar, mengenal pasti ruang penambahbaikan dan melakukan modifikasi di masa hadapan bagi memastikan peningkatan reka bentuk pengajaran dapat berterusan (Prihatmi, 2021) dan pencapaian hasil pembelajaran adalah optimum.

Walaupun model ASSURE menyediakan satu kerangka reka bentuk instruksional yang berharga, terdapat beberapa kelemahan dalam model ini. Pendekatan komprehensif dan langkah demi langkah dalam model ini dilihat sebagai memakan masa yang panjang khususnya bagi pendidik yang mempunyai masa dan sumber yang terhad. Keperluan bagi melakukan analisis, pemilihan media dan penilaian agak sukar dilakukan dalam jadual pengajaran yang padat. Di samping itu, pengimplementasian model ASSURE yang efektif sering memerlukan penggunaan pelbagai sumber pengajaran dan alat multimedia namun pendidik yang kekurangan akses kepada teknologi atau bahan multimedia akan mendapatkan langkah ini sebagai sesuatu yang mencabar.

Dapatkan kajian juga menunjukkan beberapa penambahbaikan boleh dilakukan ke atas modul APA-WISE pada masa akan datang. Contohnya bagi meningkatkan lagi potensi dan penyebarluasan, modul APA-WISE boleh diubah suai kepada dwibahasa dengan memasukkan penerangan dalam bahasa Inggeris. Pemilihan latar muzik yang lebih menarik dalam pembangunan video dalam modul APA-WISE boleh dibuat di masa akan datang bagi menarik perhatian pelajar. Selain itu, lebih banyak elemen grafik yang bersesuaian dengan modul boleh dimasukkan untuk menarik minat pelajar dan membantu untuk pelajar

lebih mudah mengingati dan memahami kandungan pengetahuan yang ingin disampaikan. Video modul juga boleh dipecahkan lagi kepada beberapa segmen yang berdurasi lebih pendek yang lebih mesra mudah alih untuk tontonan melalui telefon pintar dan meningkatkan fokus pelajar tanpa lebihan maklumat pada satu-satu masa. Bagi aspek pelaksanaan kajian pula, sampel yang lebih besar dan kaedah kajian separa eksperimen boleh dilaksanakan pada masa hadapan bagi melihat keberkesanan module APA-WISE dan aplikasi model ASSURE menggunakan kumpulan rawatan dan kawalan yang berbeza.

RUJUKAN

- American Psychological Association. 2020. *Publication manual of the American Psychological Association: The official guide to APA style (7th ed)*. American Psychological Association.
- Association of College, Research Libraries, & American Library Association. 2000. *Information literacy competency standards for higher education*.
- Ali, R., Abu-Hassan, N., Daud, M. Y. M., & Jusoff, K. 2010. Information literacy skills of engineering students. *International Journal of Research and Reviews in Applied Sciences*, 5(3), 264-270.
- Al-Haydary, M. K. R., & Majeed, B. H. 2021. Impact of ASSURE model on mathematical correlation and achievement in mathematics. *European Journal of Humanities and Educational Advancements*, 2(11), 62-68.
- Arriyani, N., & Pratama, P. 2021. English virtual based learning: Integrating technology and learning media through ‘ASSURE’ teaching model. *Exposure: Jurnal Pendidikan Bahasa Inggeris*, 10(2), 421-429.
- Bundy, A (Ed.). 2004. *Australian and New Zealand information literacy framework: Principles, standards and practice (2nd ed.)*. Adelaide, SA: Australian and New Zealand Institute for Information Literacy.
- Creswell, J. W. and Creswell, J.D. 2018. *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. Sage, Los Angeles.
- Demir, B., & Sonmez, G. 2021. Generation Z students' expectations from English language instruction. *Journal of Language and Linguistic Studies*, 17(S1), 683-701.
- Dewi, C., Pahriah, P., & Purmadi, A. 2021. The urgency of digital literacy for generation Z students in chemistry learning. *International Journal of Emerging Technologies in Learning (IJET)*, 16(11), 88-103.
- González, L. F. M., & Quiroz, V. G. 2019. Instructional design in online education: A systemic approach. *European Journal of Education*, 2(3), 43-52.
- Heinich, R., Molenda, M., Russell, J. D., & Smaldino, S. 1999. *Instructional media and technologies for learning* (6th ed.). Englewood Cliffs, NJ: Merrill/Prentice Hall.

- Idiegbeyan-Ose, J., Ifijeh, G., Segun-Adeniran, C. D., Esse, U., Owolabi, S., & Aregbesola, A. 2018. Towards Curbing Plagiarism in Higher Institutions of Learning: The Strategic Role of the Library. *Library Philosophy and Practice*
- Kaur, M., Singh, M., & Ganapathy, M. 2018. Understanding Plagiarism from the Lens of First Year Tertiary Level Students. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum.*, 26.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013- 2025 (Pendidikan Prasekolah Hingga Lepas Menengah)*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2015. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015- 2025 (Pendidikan Tinggi)*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Malaysian Qualification Agency. 2024. Malaysian Qualifications Framework (MQF): Second Edition. 2024. Malaysian Qualifications Agency: Cyberjaya. Available online at [https://www.mqa.gov.my/new/document/2024/new/MQF%20\(2024\).pdf](https://www.mqa.gov.my/new/document/2024/new/MQF%20(2024).pdf)
- Mohamad, D., & Karim, A. A. 2021. Improving Ethical Use of Information in Academic Writing among Polytechnic Students Using Online Plagiarism Module. *International Journal of Academic Research in Pro*, 10(3), 337-381.
- Mosca, J. B., Curtis, K. P., & Savoth, P. G. 2019. New Approaches to Learning for Generation Z. *Journal of Business Diversity*, 19(3).
- Nisha, N. B., & Varghese, R. R. 2021. Literature on Information Literacy: A Review. *DESIDOC Journal of Library & Information Technology*, 41(4).
- The Library and Information Association. 2018. CILIP definition of information literacy 2018. Information Literacy Group. Accessed from <https://infolit.org.uk/ILdefinitionCILIP2018.pdf> at 15th June 2019.
- Oyedokun, S. O., Adekummis, S. R., Olusanya, F. O., Buraimo, O., & Bakre, A. 2019. Information literacy as determinant of research competency among postgraduates. *J. Libr. Inf. Sci*, 9(1), 14-29.
- Rathore, F. A., Fatima, N. E., Farooq, F., & Mansoor, S. N. 2018. Combating Scientific Misconduct: The Role of Focused Workshops in Changing Attitudes Towards Plagiarism. *Cureus*, 10(5). <https://doi.org/10.7759/cureus.269>
- Prihatmi, T. N. 2021. Assure Model for Teaching Speaking Online: Teacher Self Reflections. *JURNAL JILP (Jurnal Ilmiah Langue and Parole)*, 4(2), 6-12.
- Society of College National & University Libraries. 1999. Information skills in higher education: A SCONUL position paper. Retrieved from http://www.sconul.ac.uk/groups/information_literacy/papers/Seven_pillars2.pdf
- Sugiri, W. A., Priatmoko, S., & Basori, B. 2020. Flipped classroom learning design using the ASSURE model. *Teknodika*, 18(2), 124-132.
- Talmon, G. A. 2019. Generation Z: What's next?. *Medical science educator*, 29(Suppl 1), 9-11.
- Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri. 2021. *Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia*. MDEC. <https://mdec.my/wp-content/uploads/Rangka-Tindakan-Blueprint-Ekonomi-Digital-Malaysia.pdf>.
- Yu, Z., & Gao, M. 2022. Effects of video length on a flipped English classroom. *Sage Open*, 12(1), 21582440211068474.
- Ivhorry Eve K Diaz,
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
- Faharina Shaari
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
- Puteri Nur Syazana
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
- Aidah Abdul Karim, PhD
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia